

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 AUGUST 2016

# Perbetul masalah dalaman secara keluarga: Najib

BH- 15/8/2016

**Kota Tinggi:** Datuk Seri Najib Razak berkata, ahli UMNO wajib mempertahankan parti itu dan memperbetulkan masalah dalaman mengikut kaedah keluarga UMNO sendiri.

Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO berkata, semua ahli UMNO adalah pejuang parti kerana mereka tahu selagi ada UMNO, selama itu juga perjuangan perlu diteruskan.

“Kita wajib mempertahankan UMNO. Kalau ada apa-apa yang tak kena dalam UMNO, kita perbetulkan dalam keluarga UMNO. Ibarat kita dalam rumah, kalau tak kena perabot, kita boleh ganti, kita alih perabot. Kalau ada langsir yang robek, boleh beli baru. Kalau ada pinggan sumbing, boleh ganti baru.

“Bagaimanapun, kalau bakar rumah UMNO, mana kita nak ber-

teduh. Kalau UMNO tersungkur, bagaimana orang Melayu dan mana kita nak bergantung harapan. Jawabnya tiada.

“Maknanya kalau parti, rumah UMNO kita binasakan, di mana kita nak bernaung, nak berteduh,” katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kota Tinggi di Dataran Sedili Besar, di sini, semalam.

## Ahli perlu berjiwa besar

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua UMNO Bahagian Kota Tinggi, Datuk Daing A Malik Daing A Rahman.

Najib berkata, sebagai ahli dan pemimpin, mereka perlu berjiwa besar, malah beliau sendiri sebelum ini menghulurkan tangan per-

damaian dan perpaduan tetapi ia tidak disambut sehingga menyebabkan ada pemimpin yang memilih jalan lain yang bertentangan dengan perjuangan UMNO.

Beliau turut menyelar kewujudan Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang bekerjasama dengan DAP walaupun sebelum ini pemimpin parti baharu itu pernah menyifatkan DAP sebagai cauvinis.

“Macam mana parti itu nak bekerjasama dengan DAP yang terang-terangan tidak menyokong perjuangan atas memartabatkan agama, bangsa dan negara.

“Di mana soal peruntukan 153 dalam perlembagaan. Di mana letak pendirian mereka atas perjuangan menegakkan syiar Islam. Di mana letak mereka dalam mempertahankan institusi Raja Melayu. Kalau tidak ada, apa dilihat pilihan

kita (UMNO) semestinya untuk pertahankan parti UMNO,” katanya.

Selain itu Najib mahu bermula di UMNO Johor, ahli parti itu akan bangkit semula semangat dan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, Johor akan muncul sebagai kubu kuat UMNO dan Barisan Nasional (BN).

“Ikrar sahaja tak cukup, mesti ada usaha, perancangan dan kebersamaan. Saya yakin tiada sebab mengapa Johor tidak boleh pertahankan sebagai kubu kuat,” katanya.

Selain itu Najib turut bersetuju dengan permohonan Daing A Malik untuk mengeluarkan sejumlah peruntukan bagi projek melebar dan meluruskan jalan masuk ke Kampung Sedili Besar.



Untuk video  
layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)